

Aset Khazanah RM41.218 bilion

KUALA LUMPUR 21 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jumlah aset Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2007 ialah sebanyak RM41.218 bilion. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan memberitahu, jumlah tanggungan Khazanah bagi tempoh yang sama pula adalah sebanyak RM24.272 bilion.

"Portfolio pelaburan Khazanah adalah pelbagai daripada segi sektor ekonomi dan geografi dengan lebih 85 peratus pelaburan adalah dalam Malaysia," katanya dalam jawapan bertulis pada soalan Loke Siew Fook (DAP-Rasah) yang ingin mengetahui secara terperinci semua aset dan tanggungan Khazanah serta 10 pelaburan terbesarnya pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Menurut beliau, 10 pegangan pelaburan umum yang terbesar dan terpenting Khazanah adalah dalam Tenaga Nasional Bhd. (TNB) yang mempunyai nilai pelaburan semasa bernilai RM11.551 bilion, UEM Group (RM11.058 bilion) dan TMI Bhd. (10.430 bilion). "Bumiputra Commerce Holdings Bhd. (RM7.253 bilion), Telekom Malaysia Bhd. (RM3.853 bilion), PLUS Bhd. (RM3.853 bilion), Lippo Bank (RM3.241 bilion), Iskandar Investment Bhd. (RM2.550 bilion), Malaysia Airport Holdings Bhd. (RM2.528 bilion) dan Malaysian Airline System Bhd. (RM4.101 bilion).

Menurutnya, nilai pelaburan semasa tersebut adalah mengikut nilai pasaran pada 31 Mei 2008. Khazanah ialah syarikat pemegangan pelaburan milik kerajaan yang diberi kuasa sebagai pelabur strategik kerajaan di dalam industri dan pasaran baru. Ia dipertanggungjawab untuk membangunkan industri strategik terpilih di Malaysia serta menyokong perkembangannya dengan objektif memajukan kepentingan ekonomi jangka panjang negara. Syarikat tersebut juga memiliki pelaburan dalam lebih 50 syarikat besar daripada pelbagai industri baik di Malaysia mahu pun di luar negara.

RM7 juta naik taraf kemudahan tasik

KUANTAN 21 Okt. - Kerajaan Pusat memperuntukkan sebanyak RM7 juta untuk menaik taraf kemudahan di Tasik Chini, Pekan bagi meletakkan semula tasik semula jadi itu sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Pengurus Besar Majlis Tindakan Pelancongan (MTPN) Pahang, Idros Yahya berkata, pihaknya menyedari Tasik Chini memerlukan 'sentuhan semula' untuk meletakkan dirinya dalam peta pelancongan dunia.



MEMALUKAN... Dua pelancong asing berehat di beranda chalet yang bocor atapnya di Tasik Chini, Pahang.

Berikutan itu, jelas beliau, satu jawatankuasa khas ditubuhkan yang diketuai Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Pahang, Shafik Fauzan Sharif untuk mengambil tindakan susulan terhadap pembangunan pelancongan di Tasik Chini. "Kami menubuhkan jawatankuasa ini selepas mendapat teguran daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai kelesuan pelancongan di Tasik Chini," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi baru-baru ini.

Idros memberitahu, antara tindakan yang dijalankan oleh jawatankuasa itu termasuk menaik taraf kemudahan-kemudahan di Resort Tasik Chini yang uzur supaya memberi keselesaan kepada pengunjung. "Kami akan menambah bilik selain memperbaiki segala kerosakan yang terdapat di resort berkenaan," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi hari ini.

Idros berkata, pihaknya juga akan membaik pulih jeti kayu yang uzur bagi kemudahan pengunjung menaiki bot menyusuri tasik berkenaan. Selain itu, jelas beliau, pihaknya akan menambah dua lagi jeti seumpama itu di Kampung Gumum dan Kampung Belimbing di sekitar tasik tersebut bagi kemudahan pengunjung. Menurut beliau, ketiga-tiga jeti yang mempunyai 12 buah bot pelancong itu akan diuruskan oleh Jabatan Laut Semenanjung. "Kami telah menghantar permohonan kepada Kementerian Pelancongan untuk meluluskan semua projek tersebut," katanya.

Tambah beliau, pihaknya akan meningkatkan kemudahan bagi program inap desa di Kampung Salong yang terletak di pinggir Tasik Chini bagi kemudahan pelancong. Mengulas kedatangan pelancong yang semakin berkurangan, Idros menjelaskan, Tasik Chini tidak boleh disamakan dengan destinasi pelancongan lain. Menurut beliau, pihaknya memang tidak menggalakkan kedatangan pelancong yang terlalu ramai di tasik itu supaya alam semula jadi dan ekosistemnya terus terpelihara.

"Kebanyakan pengunjung yang datang ke Tasik Chini adalah daripada kalangan pencinta alam, pengkaji dan penuntut yang membuat penyelidikan mengenai sejarah dan ekosistem," jelasnya.

Katanya, antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mempunyai pusat penyelidikan di Tasik Chini ialah Universiti Putra Malaysia (UPM).



23/10/2008(Khamis)

PAC adakan mesyuarat 29-30 Oktober bincang isu Eurocopter

NILAI 23 Okt. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengadakan mesyuaratnya pada 29 dan 30 Oktober ini, bagi mengkaji secara terperinci segala isu yang berkaitan dengan pembelian Eurocopter EC725 yang menggantikan helikopter Nuri.

Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, di dalam mesyuarat tersebut, PAC akan membuat penilaian dari sudut teknikal, kewangan serta prosedur pembelian. Beliau berkata, wakil daripada pihak Kementerian Pertahanan akan dipanggil bagi membolehkan PAC mendapatkan maklumat yang diperlukan berhubung isu pembelian helikopter itu.

“Setiap aspek yang berkaitan dengan isu pembelian Eurocopter ini akan diperhalusi sedalam-dalamnya oleh semua ahli PAC terutama dari segi teknikal dan kewangan,” katanya selepas majlis perasmian Hari Audit Se-Malaysia di Akademi Audit Negara di sini hari ini. – Utusan



23/10/2008 (Khamis)

Tunjuk bukti dana RM5b manfaatkan KWSP

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop membuktikan bagaimana dana sebanyak RM5 bilion yang dipinjamkan kepada Valuecap Sdn. Bhd. (Valuecap) memberi manfaat kepada pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Presidennya, Syed Shahrir Syed Mohamud berkata, MTUC mahu pihak berkenaan menunjukkan bukti yang kukuh bahawa dana sebanyak RM5 bilion itu tidak akan disia-siakan begitu sahaja. Beliau berkata, dana tersebut adalah hasil titik peluh pekerja di negara ini dan KWSP bukannya mesin pengeluaran wang automatik (ATM) untuk kerajaan. "Di manakah kertas kerja dan kira-kira yang dapat membuktikan ia dapat menguntungkan KWSP? Setakat jaminan sahaja tidak mencukupi," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan Bernama semalam mengenai Nor Mohamed menyatakan KWSP akan mendapat keuntungan daripada RM5 bilion yang dipinjamkan kepada Valuecap.

Prestasi

Menurut Nor Mohamed, ia berasaskan kepada prestasi Valuecap sebelum ini yang meningkatkan portfolionya daripada RM5 bilion pada awalnya kepada RM8 bilion sekarang.

Valuecap yang ditubuhkan pada tahun 2003 merupakan syarikat pengurusan dana yang diwujudkan untuk melabur khusus dalam pasaran ekuiti Malaysia dan dimiliki bersama oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Dana Persaraan.

Syed Shahrir menambah, sekiranya asas ekonomi Malaysia adalah kukuh dan rizab negara cukup seperti yang ditegaskan beberapa kali oleh kerajaan selama ini, maka tiada keperluan untuk menyalurkan sejumlah wang yang besar kepada syarikat milik kerajaan (GLC).

"Kalau KWSP hendak meminjamkan wang kepada kerajaan, maka pihak berkenaan harus memastikan tiada unsur penyelewengan yang akan berlaku dan wang tersebut perlu digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. "Kita juga ingin tahu siapa dia dan bagaimana mereka menggunakan hasil titik peluh pekerja yang disimpan untuk pelan bersara," ujarnya.



24/10/2008 (Jumaat)

RM112 juta masih belum digunakan bantu penternak

PEKAN 23 Okt. - Sebanyak RM112 juta peruntukan untuk membantu meringankan beban penternak akuakultur masih 'terperap' kerana hampir tiada permohonan dibuat oleh golongan itu. Pengarah Bahagian Pembangunan Akuakultur Jabatan Perikanan, Ismail Abu Hassan berkata, keadaan berlaku dipercayai ekoran sikap penternak yang enggan atau sukar untuk mengisi borang permohonan.

"Daripada RM113 juta yang diperuntukkan, hanya RM1 juta digunakan selepas menerima permohonan daripada penternak sejak diluluskan kerajaan Julai lalu. "Ini amat menyedihkan kerana kerajaan membuat peruntukan yang amat besar demi membantu golongan terbabit mengatasi masalah kenaikan harga barangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada majlis dialog dan ramah mesra bersama penternak Projek Khas Sangkar Air Payau Taman Kekal Pengeluaran Makanan - Zon Industri Akuakultur Cherok Paloh dan Tanjung Agas di sini hari ini.

Ismail berkata, bagi mendapatkan peruntukan tersebut, penternak akuakultur perlu mengisi lima borang pada awal permohonan dan beberapa borang lain untuk permohonan selanjutnya. Katanya, penternak juga perlu mengemukakan resit belian benih, makanan dan jualan sebagai bukti mereka pengusaha.

"Mungkin para penternak merasakan perkara sedemikian menimbulkan beban bagi mereka," katanya. Sehubungan itu, katanya, bagi mengatasi masalah tersebut, pihaknya akan mengadakan taklimat mengenai kaedah mengisi borang kepada penternak akuakultur selain meminta kerjasama daripada Agro Bank untuk melicinkan operasi.

"Peruntukan sebanyak RM113 juta untuk membantu penternak akuakultur adalah salah satu program yang terkandung dalam Dasar Jaminan Makanan Nasional (DJMN)," jelasnya.



24/10/2008(Jumaat)

PAC bincang isu Eurocopter 29 Oktober

NILAI 23 Okt. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengadakan mesyuaratnya pada 29 dan 30 Oktober ini bagi mengkaji secara terperinci segala isu yang berkaitan dengan pembelian helikopter Eurocopter EC725 bagi menggantikan Nuri. Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, di dalam mesyuarat tersebut pihaknya akan membuat penilaian dari sudut teknikal, kewangan serta prosedur pembelian.

Beliau berkata, wakil daripada pihak Kementerian Pertahanan akan dipanggil bagi membolehkan PAC mendapatkan maklumat yang diperlukan berhubung isu pembelian helikopter itu. "Ini merupakan satu isu sensitif dan berprofil tinggi dan PAC akan bertindak sebaik mungkin kerana kami bertanggungjawab kepada setiap anggota Parlimen dan rakyat.

"Setiap aspek yang berkaitan dengan isu pembelian Eurocopter ini akan diperhalusi sedalam-dalamnya oleh semua ahli PAC terutama dari segi teknikal dan kewangan," katanya selepas majlis perasmian Hari Audit Se-Malaysia di Akademi Audit Negara di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai arahan kerajaan supaya PAC memperhalusi isu pembelian helikopter Eurocopter EC725 bagi menggantikan Nuri sebelum sebarang keputusan dibuat untuk membeli pesawat itu.



24/10/2008(Jumaat)

Penyeludupan diesel subsidi didalangi sindiket

Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN

KUCHING 23 Okt. - Penyeludupan diesel subsidi di negeri ini dipercayai didalangi sindiket yang bertindak memeras ugut nelayan untuk menjual minyak tersebut kepada mereka.

Timbalan Komander Briged Pasukan Gerakan Am (PGA) Sarawak, Asisten Komisioner (ACP) Abdul Manaf Abdul Razak berkata, hasil daripada tiga tangkapan yang dibuat pihaknya pada bulan September dan Oktober mendapati nelayan menafikan dakwaan mereka melakukan penipuan dengan menjual minyak subsidi tersebut.

Beliau berkata, sebaliknya nelayan di negeri ini mendakwa mereka menjadi mangsa golongan sindiket yang memaksa mereka menjual minyak diesel subsidi kepada mereka. "Ini mengakibatkan nelayan di negeri sudah kehabisan bekalan minyak subsidi untuk kegunaan mereka menangkap ikan di laut. "Saya percaya, perkara ini didalangi mereka (sindiket) berdasarkan rungutan nelayan yang dibuat kepada PGA," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

PGA Briged Sarawak menumpaskan tiga penyeludupan diesel subsidi berjumlah RM129,000 sepanjang September dan Oktober. Semalam, *Utusan Malaysia* menyiarkan kejayaan PGA Sarawak menumpaskan penyeludupan diesel sebanyak 54,000 liter di Jeti Pulo, Jalan Ang Cheng Ho dan jeti Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bintawa di sini.

Dalam pada itu, Abdul Manaf berkata, PGA juga menumpaskan lima kes pembalakan haram yang membabitkan rampasan berjumlah RM1.1 juta. Katanya, kelima-lima operasi itu dibuat di sekitar bahagian Kuching pada September dan Oktober lalu.

Abdul Manaf memberitahu, PGA mengharapkan orang ramai supaya dapat terus bekerjasama dengan pihak polis bagi membanteras kejadian penyeludupan dan jenayah di negeri ini.



25/10/2008(Sabtu)

Kerajaan tidak tamatkan perkhidmatan kakitangan kontrak

SEGAMAT 25 Okt. - Kerajaan tidak bercadang untuk menamatkan perkhidmatan kakitangan awam yang berkhidmat secara kontrak menjelang akhir tahun ini seperti didakwa oleh Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), kelmarin.

Sehubungan itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam menyifatkan kenyataan Presiden CUEPACS, Omar Osman bahawa 50,000 kakitangan awam kontrak akan ditamatkan perkhidmatan, sebagai tidak tepat. "Perkara ini telah dibincangkan dalam Kabinet dan kementerian telah menjelaskan bahawa kenyataan itu adalah tidak tepat.

"Kerajaan sebaliknya tidak mempunyai rancangan untuk menamatkan kontrak kakitangan awam yang berkhidmat buat masa sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan pendermaan mesin dan geran hemodialisis yang keseluruhannya bernilai hampir RM500,000 di sebuah hotel di sini, semalam.

Kelmarin, Omar dipetik sebagai berkata, kira-kira 50,000 kakitangan awam yang berkhidmat secara kontrak mungkin ditamatkan perkhidmatan mereka menjelang akhir tahun ini berikutan kekangan kewangan kerajaan. Menurut Subramaniam, kerajaan pada masa yang sama akan memastikan tiada pemberhentian perkhidmatan di semua agensi kerajaan dan swasta di negara ini.

"Negara kita masih boleh bertahan (menghadapi kekangan kewangan) dan ketika ini masih tiada tanda akan berlaku penamatan kontrak kakitangan awam dan swasta seperti di negara-negara lain. "Kita akan berbincang dengan mana-mana syarikat yang mempunyai masalah sehingga mungkin menamatkan perkhidmatan antaranya Penerbangan Malaysia (MAS) dan Panasonic supaya tidak berlaku sebarang penamatan kontrak," katanya.



26/10/2008 (Ahad)

Kompleks Sukan Tenom terabai

TENOM 26 Okt. - Para penggiat sukan di sini kecewa dengan sikap tidak prihatin pihak pengurusan Kompleks Sukan Tenom yang mengabaikan aspek kebersihan dan penyelenggaraan di kawasan kolam renang dan gelanggang tenis. Menurut mereka, kompleks tersebut yang merupakan kawasan tumpuan orang ramai untuk beriadah sepatutnya dijaga dengan baik oleh pihak berkenaan.

Seorang penggiat sukan, Vincent Phang, 57, berkata, sikap lepas tangan pengurusan kompleks itu menyebabkan pengunjung berasa tidak selesa. "Kebersihan di dalam dan di luar pusat kemudahan rekreasi ini sepatutnya diberi perhatian, tetapi nampaknya tidak ada usaha dilakukan meskipun aduan telah dibuat berulang kali.

"Ini bukan tuduhan melulu kerana orang ramai boleh melihat sendiri rumput yang panjang, landskap tidak teratur, tempat letak kereta kotor. "Keadaan ini menyebabkan, matlamat dan tujuan membina Kompleks Sukan Tenom sudah menyimpang daripada matlamat asal," katanya.

Vincent berkata, pihak berwajib seperti Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah perlu mengambil perhatian serius masalah itu termasuk mengenal pasti puncanya. "Kita berharap

kawasan ini dijaga rapi, kerana didapati jarang sekali ada pekerja yang menjalankan kerja-kerja memotong rumput atau membersihkan sampah," jelas beliau lagi.

Sementara itu, beberapa kakitangan kerajaan khususnya Jabatan Pelajaran di sini mengakui bahawa Kompleks Sukan itu sering digunakan oleh pelajar sekolah ketika musim temasya sukan. Justeru itu, mereka berharap kompleks tersebut diselenggara dengan baik termasuk memastikan semua peralatan boleh digunakan dengan selamat.



26/10/2008(Ahad)

LITS tingkat hasil getah

Oleh HUSSAINI AMRAN

JELEBU 26 Okt. - Lembaga Getah Malaysia (LGM) Wilayah Tengah telah memperkenalkan teknologi Sistem Torehan Berintensiti Rendah (LITS) bagi meningkatkan hasil pengeluaran pekebun-pekebun kecil getah di negeri ini.

Menurut Pengarahnya, Mohd. Sobran Ibrahim, teknologi tersebut berupaya meningkatkan hasil pengeluaran getah sehingga dua kali ganda. Beliau berkata, bagi tujuan itu, pihaknya telah mengadakan beberapa sesi latihan sebagai satu bentuk pendedahan terhadap teknik-teknik pengeluaran hasil terkini dan amalan perladangan yang baik kepada pekebun-pekebun kecil getah.

"Secara keseluruhan, seramai 1,300 pekebun kecil getah dari 15 lokasi melibatkan kawasan seluas 3,178 hektar di seluruh negeri telah terpilih untuk mengikuti latihan di bawah Skim LITS," jelasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi taklimat teknologi LITS kepada pekebun kecil getah di Kampung Kerangai dekat sini baru-baru ini. Ujar Mohd. Sobran, terdapat dua kategori teknologi LITS dan penggunaannya bergantung kepada umur pokok getah.

"Bagi pokok getah yang berumur 15 tahun ke bawah, formulasi perangsang cecair 'G-Flex' disyorkan disapu pada panel torehan. "Manakala, perkakasan 'G-Flex', 'Reactorrim' dan 'Rrimflow' digunakan pada pokok getah yang berumur 15 tahun ke atas," jelasnya.

Kata Mohd. Sobran, penggunaan teknologi LITS menjimatkan masa kerana pekebun-pekebun kecil hanya memerlukan 10 hari dalam sebulan untuk menjalankan kerja-kerja penorehan. Sehubungan itu, ujar beliau, pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negeri disaran menggunakan teknologi LITS untuk meningkatkan pendapatan.



27/10/2008(Isnin)

Khazanah beli 10 peratus kepentingan Jadwa Investment Arab Saudi

RIYADH 27 Okt. - Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) telah memperoleh 10 peratus kepentingan dalam Jadwa Investment, sebuah firm pelaburan Arab Saudi yang mematuhi prinsip syariah, bagi sejumlah RM270.85 juta, dalam strategi jangka panjangnya untuk menangani kelembapan ekonomi serta menjalin hubungan lebih rapat antara Malaysia dan Arab Saudi.

"Kami yakin terhadap kewangan Islam dan ia pastinya menjadi sebahagian daripada penyelesaian dalam masa yang sukar ini," kata Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar pada majlis perjanjian itu di sini.

Jadwa ialah syarikat pelaburan yang mematuhi sepenuhnya prinsip syariah dengan pemegang saham utamanya terdiri daripada keluarga perniagaan utama Arab Saudi yang dipengerusikan oleh Putera Faisal Salman Al Saud. Ia diasaskan pada 2005 dan pada tahun kewangannya yang berakhir pada 31 Disember 2007, Jadwa merekodkan kadar pulangan yang baik ke atas ekuiti iaitu sebanyak 21 peratus dan pulangan ke atas jumlah aset sebanyak 13 peratus. Perkhidmatannya meliputi perbankan pelaburan dan pembiayaan korporat, pengurusan aset dan pembrokeran.

Azman berkata, pelaburan Khazanah dalam Jadwa bermatlamat menyediakan rantaian silang antara perniagaan Malaysia dan Arab Saudi, meletakkan asas bagi kerjasama ekonomi yang lebih kukuh antara negara-negara Islam selain sebagai sokongan aspirasi kepada inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia. Khazanah Nasional ialah cabang pelaburan kerajaan Malaysia.

"Dalam mengharungi krisis ekonomi global sekarang, usaha perlu dilakukan untuk memperkukuhkan ikatan dan persahabatan dengan rakan usaha sama dan model perniagaan yang bermanfaat dan kukuh. "Pelaburan ini merupakan kejayaan penting untuk Khazanah kerana ia menunjukkan pengukuhan berterusan hubungan ekonomi dan dua hala antara Malaysia dan Arab Saudi. Kami menjangkakan bahawa, insya-Allah, perjanjian ini merupakan langkah pertama dalam hubungan yang panjang dan saling menyokong," kata Azman.

Beliau berkata, menerusi kekuatan Jadwa yang kukuh dan pasukan pengurusannya yang profesional serta pengalaman yang tepat dalam perniagaan, Khazanah yakin bahawa pelaburan ini akan menjadi jambatan penting antara kedua-dua negara dalam menyediakan aliran modal, idea dua hala untuk manfaat bersama rakyat.

Pada Ogos 2006, inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) dilancarkan bagi mempromosikan Malaysia sebagai hab antarabangsa kewangan Islam. MIFC merupakan usaha bersama oleh pengawal aturan pasaran dan kewangan negara, termasuk Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dan Bursa Malaysia, serta penyertaan industri daripada sektor perbankan, takaful dan pasaran modal di Malaysia.



27/10/2008(Isnin)

JPS perlu serah jalan kepada DBKL

Oleh SITI AIRUNNIISA ALAUI

GOMBAK 27 Okt. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta menyerahkan jalan di sempadan Jalan Taman Melewar dan Taman Selaseh kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memudahkan DBKL mengambil alih jalan tersebut untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang sempurna.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan DBKL, Datuk Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz berkata, penyerahan jalan tersebut perlu dilaksanakan bagi memberi keselesaan kepada penduduk memandangkan JPS gagal menyediakan kemudahan tersebut sejak jalan berkenaan dibuka dua bulan lalu.

Katanya, JPS seharusnya menyediakan kemudahan lampu isyarat di persimpangan jalan tersebut serta menyenggara kemudahan infrastruktur jalan berkenaan dengan sempurna sebelum membukanya untuk kegunaan.

"DBKL tidak dapat menyediakan kemudahan infrastruktur yang dikehendaki oleh penduduk di sepanjang jalan ini memandangkan JPS masih belum menyerahkan jalan ini kepada kami. "Oleh yang demikian, DBKL akan mengadakan perbincangan bersama-sama JPS bagi menyelesaikan masalah tersebut dengan segera.

"Bagi masalah pembukaan jalan alternatif di Taman Selaseh, DBKL akan berbincang dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) untuk memberikan kebenaran membuka jalan alternatif melalui Jalan Taman Selaseh menuju ke Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE)," katanya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan ke Taman Melewar di sini hari ini.



Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz (tiga dari kanan) mendengar aduan salah seorang wakil persatuan penduduk ketika melawat jalan susur yang dihalang di Taman Melewar, Kuala Lumpur semalam.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* pernah melaporkan tentang kesukaran penduduk beberapa taman perumahan seperti Taman Melewar, Taman Changkat Desa, Taman Rowter dan Taman Koperasi Polis untuk keluar dan masuk ke jalan utama memandangkan mereka hanya mempunyai satu jalan keluar dan masuk sahaja.

Penduduk mendakwa, sebelum ini terdapat satu jalan alternatif lain dibuka iaitu Jalan Taman Selaseh, namun setelah projek tebatan banjir di bawah senggaraan JPS siap dibina, jalan berkenaan ditutup kerana mendapat bantahan penduduk di Taman Selaseh atas alasan keselamatan penduduk terjejas.

Justeru, penduduk Taman Melewar meminta jalan alternatif melalui Jalan Taman Selaseh dibuka bagi memudahkan mereka keluar dan masuk ke Lebuhraya DUKE dengan lebih dekat dan mudah serta mengelakkan kesesakan di jalan utama.

Mengulas lanjut, Mhd. Amin berkata, bantahan kepada pembukaan jalan alternatif itu tidak sepatutnya berlaku memandangkan jalan tersebut adalah hak milik orang awam dan sesiapa sahaja dibenarkan menggunakannya.

Ujarnya, masalah tersebut berlaku memandangkan ia melibatkan kawasan sempadan antara negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Jelasnya, masalah itu akan dipanjangkan kepada MPS, JPS, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi mencari jalan penyelesaian yang tepat.

"Perkara yang melibatkan kawasan sempadan ini sering berlaku di kawasan-kawasan lain, oleh yang demikian, bagi memberi keselesaan kepada semua, masalah ini perlu ada toleransi di antara penduduk di kedua-dua taman perumahan serta perbincangan antara persatuan penduduk dan MPS perlu dilaksanakan.

"Sekiranya perbincangan tersebut gagal mencapai sebarang keputusan, perkara ini perlu dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Persempadanan Negeri," katanya.



28/10/2008(Selasa)

Kerajaan tangguh beli Eurocopter

Oleh Nizam Yatim

KUALA LUMPUR 28 Okt. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan pembelian helikopter EC725 keluaran Eurocopter yang keseluruhannya bernilai RM1.67 bilion sebagai langkah berjimat-cermat berikutan krisis kewangan global.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, kerajaan juga membuat keputusan sebarang pembelian baru helikopter bagi menggantikan Nuri akan dilakukan selewat-lewatnya sebelum 2011. Menurut beliau, perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Exco Majlis Ekonomi yang dipengerusikan beliau pada 13 Oktober lalu dan ia tiada kaitan dengan dakwaan beberapa pihak bahawa wujud penyelewengan dalam pengeluaran tender itu. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Kementerian Pertahanan, di sini hari ini.



28/10/2008(Selasa)

Kementerian diminta campur tangan kenaikan benih padi

PASIR PUTEH 28 Okt. – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diminta campur tangan berhubung kenaikan harga padi benih jenis 232 daripada RM25 kepada RM40 sekampit di Kelantan yang dianggap membebankan petani.

Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Cherang Rotan, Tengku Hussin Tengku Abdul Rahman berkata kenaikan mendadak itu menyebabkan petani terpaksa membelanjakan sebanyak RM160 (tahun ini) berbanding RM100 (tahun lepas) untuk membeli benih bagi keperluan setiap 0.3 hektar.

“Harga yang tinggi itu boleh melemahkan semangat petani untuk mengerjakan sawah pada musim kedua bermula sekarang kerana bebanan yang mereka tanggung selama ini seperti kos kenaikan upah membajak sahaja pun sudah memeritkan mereka,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini, hari ini.

Beliau berkata kenaikan harga benih itu menjadi bebanan terhadap petani terutama yang mengerjakan penanaman di kawasan jelapang Cherang Rotan yang seringkali mengalami kerugian setiap musim akibat tanaman dimusnahkan oleh tikus.

“Jika kementerian boleh menurunkan pada harga yang menasabah sekurang-kurangnya antara RM30-RM35 sekampit ia boleh mengurangkan bebanan mereka menampung kos sara hidup berkeluarga terutama menanggung anak-anak sekolah,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Komoditi Padi, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Mat Najib Abdullah berkata kenaikan harga benih tidak dapat dielakkan disebabkan harga yang ditetapkan di kilang RM34 sekampit, tidak termasuk kos buruh dan pengangkutan.

Selain itu, katanya KADA terpaksa mengimport benih dari negeri lain terutama Kedah, Perak dan Selangor bagi mencukupkan keperluan 4,500 metrik tan setahun.

Hutan paya laut di Selangor terancam

KUANTAN 28 Okt. – Kawasan pesisiran pantai Selangor diancam hakisan teruk apabila kehilangan lebih 32 peratus keluasan hutan paya laut berikutan pelbagai projek pembangunan yang tidak seimbang sejak 18 tahun lalu.

Seorang pengkaji dari Unit Geoinformasi, Program Hutan Asli Bahagian Perhutanan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Hamdan Omar berkata, kehilangan hutan paya laut akan mendedahkan pesisiran pantai kepada pukulan ombak yang kuat sekali gus menyebabkan berlakunya hakisan. Menurut beliau, data menunjukkan keluasan hutan paya laut di negeri itu menyusut sebanyak 9,948.47 hektar sejak 1989 hingga tahun lalu.

“Selangor mengalami pengurangan hutan paya laut sebanyak 527.69 hektar setahun akibat kemusnahan ekosistem pesisir pantai berpunca daripada aktiviti ekonomi yang tidak seimbang. “Ia dikhuatiri akan menjejaskan entiti kompleks seperti haiwan dan tumbuhan yang berada di kawasan tersebut serta menggugat kehidupan penduduk yang tinggal berhampiran pesisiran pantai negeri itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja pada Seminar Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 di sini hari ini. Kajian itu dijalankan bersama dua lagi pengkaji dari Unit Geoinformasi, Program Hutan Asli Bahagian Perhutanan FRIM, Khali Aziz Hamzah dan Azhan Shah Idris.

Hamdan berkata, aktiviti paling ketara menyebabkan penyusutan hutan paya laut di Selangor ialah perluasan kawasan bandar, penubuhan kawasan perladangan dan pertanian serta pembinaan kolam ternakan ikan dan udang. Tambah beliau, antara kawasan yang paling teruk menerima kesannya ialah Klang ekoran pembangunan kawasan bandar manakala Kapar dan Sabak Bernam disebabkan pembinaan kolam ternakan udang.

“Antara kesan yang akan timbul adalah terhadap aspek pertanian dan hakisan pantai. Hutan paya laut berperanan penting terhadap aspek keselamatan, sosial dan ekonomi penduduk,” katanya. Sementara itu, menurutnya, kajian juga mendapati persekitaran semula jadi bagi habitat pesisir pantai di Selangor kini mengalami ancaman daripada pelbagai sudut. Jelas beliau, penurunan paras lumpur yang disebabkan hakisan mendedahkan akar pokok bakau kepada air laut menyebabkan ia mati manakala biji benih yang hanyut menghalang pertumbuhan akar bakau yang baru,” katanya.



28/10/2008(Selasa)

ICT, biotek dalam pertanian

Oleh HERMAN HAMID

SERDANG 28 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta bioteknologi diaplikasikan secara meluas dalam bidang pertanian bagi melonjakkan kemajuan sektor tersebut.

Perdana Menteri berkata, langkah menggabungkan dua elemen itu amat mustahak kerana pertanian dikenal pasti sebagai salah satu cabang ekonomi yang dapat membantu kerajaan menangani impak krisis kewangan global kepada negara.

"Saya amat yakin dengan masa depan bidang pertanian sekiranya elemen ICT dan bioteknologi dapat digabungkan kerana Malaysia boleh meraih manfaat yang sangat besar berikutan kelebihan yang telah ada pada kita dalam bidang tersebut.

"Malah dunia menyifatkan Malaysia sebagai berada di landasan yang tepat untuk memajukan bidang pertanian kerana kelebihan-kelebihan yang kita miliki ini," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Warga Tani Bersama Perdana Menteri di sini hari ini.

Majlis yang dihadiri kira-kira 4,000 warga tani seluruh negara itu diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang. Hadir sama ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui.

Abdullah kemudian melancarkan varieti baru cili padi yang dikenali sebagai 'Semerah'. Antara kelebihan varieti yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) itu adalah sifatnya yang cepat matang dan berhasil tinggi.

Sementara itu, Abdullah berkata, keyakinan kerajaan terhadap sektor pertanian bukanlah hanya impian kosong atau angan-angan Mat Jenin, sebaliknya ia berlandaskan usaha dan strategi bagi memajukan sektor itu. Kata beliau, Bank Negara sendiri turut mengakui kemampuan sektor pertanian untuk muncul sebagai sektor ketiga terpenting dalam menyumbang kepada ekonomi negara.

Sehubungan itu, tambahnya, tanggapan sektor pertanian sebagai sektor lapuk dan tidak perlu dimajukan adalah satu kesilapan kerana ia mampu menjana pendapatan lumayan kepada mereka yang terlibat. "Jangan anggap lekeh, karut dan mimpi untuk menjayakan sektor pertanian. Pertanian bukanlah perkara baru, Kementerian Pertanian dan MAHA (Ekspo

Pertanian dan Hortikultur Malaysia) sudah lama wujud. Kita cuma memberi tambah nilai pada perkara-perkara itu.

"Dengan usaha yang bersungguh-sungguh, saya memang yakin pertanian dan industri asas tani punya masa depan yang cerah. "Macam MAHA yang lalu, ada usahawan asas tani kita seperti pengusaha kuah rojak beritahu dia mampu raih RM3 juta setahun, pengusaha makanan beku RM15 juta," ujarinya.

Abdullah berkata, atas sebab itu mereka yang terlibat dalam bidang pertanian harus mempunyai kualiti modal insan kerana dengan ilmu yang terkini barulah hasil pertanian mampu ditingkatkan. Katanya, memandangkan industri pertanian sentiasa berkembang, ia menuntut mereka yang terlibat dengannya sentiasa menambah pengetahuan terhadap kaedah dan teknologi baru.

"Untuk menambah nilai kerja kita supaya memperoleh hasil yang lebih dan berkualiti, maka tidak ada jalan lain kecuali mendalami ilmu pertanian. "Sebab itu saya minta warga tani kita supaya jangan anggap masa untuk belajar telah berlalu. Sebaliknya pelajaran adalah untuk sepanjang hayat," jelasnya.



28/10/2008(Selasa)

Segera keluarkan fatwa pinjaman haji

BATU PAHAT 28 Okt. - Majlis Fatwa Kebangsaan digesa segera mengeluarkan kenyataan mengenai hukum umat Islam menunaikan ibadat haji menerusi pinjaman wang daripada institusi kewangan termasuk bank.

Ahli Parlimen Batu Pahat, Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, ini perlu bagi mengelakkan umat Islam negara ini terus keliru mengenainya kerana amalan tersebut dibenarkan di Indonesia. Beliau berkata, kekeliruan mula timbul setelah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Masitah Ibrahim baru-baru ini mendakwa umat Islam dibolehkan menunaikan ibadat haji menggunakan wang pinjaman bank.

"Menterinya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pula membuat kenyataan sebaliknya," kata beliau ketika meraikan 140 bakal haji Parlimen Batu Pahat di Senggarang dekat sini semalam.

Beliau berkata, kenyataan yang bercanggah itu menyebabkan bakal-bakal haji keliru dan mahu penjelasan rasmi mengenainya dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan dengan segera. Menurut beliau, sekiranya dibenarkan, penjelasan terperinci termasuk kaedah dan caranya perlu dikeluarkan bagi mengelakkan umat Islam tidak dianiaya oleh institusi kewangan.

"Kita tidak mahu ada umat Islam diisytiharkan muflis tidak lama sekembalinya daripada menunaikan haji," katanya.

Beliau berkata, selain bank atau institusi kewangan berdaftar, adakah umat Islam juga dibolehkan meminjam daripada ah long atau individu tertentu dengan mencagarkan harta termasuk tanah untuk tujuan tersebut.

Bagaimanapun, Mohd. Puad yang juga Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat menggalakkan umat Islam agar menggunakan kaedah sedia ada iaitu menabung termasuk di dalam Tabung Haji sehingga cukup sebelum menunaikan ibadat tersebut. "Ini lebih afdal dan mententeramkan jiwa serta fikiran semasa menunaikan haji," katanya. Menurutnya, menunaikan haji menggunakan wang pinjaman dikhuatiri akan menimbulkan pelbagai masalah dan akhirnya ibadat tersebut menjadi sia-sia.



28/10/2008(Selasa)

Kastam Johor musnahkan rokok seludup RM2.08 juta



PEKERJA kontrak yang ditugaskan Kastam Diraja Malaysia memasukkan rokok-rokok seludup pelbagai jenama ke dalam mesin pemusnah di Menara Kastam Johor, Johor Bahru, semalam.

JOHOR BAHRU 28 Okt. - Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Johor hari ini memusnahkan rokok-rokok seludup bernilai RM2.08 juta yang membabitkan cukai berjumlah RM6 juta. Pengarah Kastam Johor Md. Subre Ishak berkata, kesemua rokok seberat 22.8 tan yang merangkumi 1,012 peti, 440 kotak, 300 guni dan 180 karton rokok pelbagai jenama termasuk Gudang Garam Surya, Malboro, Dunhill, Texas 5 dan Dji Sam Soe itu adalah hasil rampasan sejak Disember 2004 sehingga Julai tahun ini.

"Semua rokok ini dimusnahkan dengan cara mencari pek-pek rokok ke dalam mesin pencari sebelum dibuang ke tempat pelupusan sampah," katanya kepada pemberita semasa menyaksikan kerja-kerja pemusnahan rokok berkenaan di Menara Kastam Johor, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Eksekutif Gabungan Pengilang Tembakau Malaysia (GPTM), Shaik Abbas Ibrahim. Md. Subre berkata, semua produk tembakau itu merupakan produk tanpa label setem duti dan ciri-ciri keselamatan iaitu yang dibawa masuk secara haram dari negara jiran sebelum dirampas KDRM Johor di pelbagai pintu masuk sekitar negeri.

"KDRM amat serius dalam menangani perdagangan rokok tidak sah. Perdagangan ini menyebabkan hasil kutipan cukai menurun dan memberikan impak kepada negara. Usaha akan ditingkatkan untuk memeriksa kapal yang memasuki negara dan meningkatkan jumlah serbuan," katanya.

Katanya, KDRM dengan kerjasama GPTM turut melancarkan Kempen Anti Perdagangan Haram pada bulan April lepas bagi membina kesedaran dan mendidik lebih 90,000 peruncit di seluruh negara bagi membanteras penyeludupan.



28/10/2008(Selasa)

Deposit BSN cecah RM15b

Oleh DALIZA ARIFFIN

KUALA LUMPUR 28 Okt. - Bank Simpanan Nasional (BSN) mengunjurkan pertumbuhan deposit meningkat sebanyak lima hingga lapan peratus pada tahun depan. Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Azim Mohd. Zabidi berkata, sehingga akhir September lalu, jumlah deposit bank adalah sebanyak RM15 bilion yang menjadikan Malaysia sebagai antara negara tertinggi memiliki jumlah deposit di Asia Tenggara.

Jumlah pendeposit pada masa sekarang pula adalah sebanyak tujuh juta orang. Menurutnyanya, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1 bilion adalah simpanan daripada produk Sijil Simpanan Premium yang popular di kalangan pengguna bank tersebut. "Berdasarkan nilai tersebut (RM15 bilion) dan jumlah penduduk di negara ini, daripada empat orang rakyat di negara ini, seorang daripada mereka memiliki simpanan di BSN. "Oleh kerana nilai tabungan yang tinggi juga, ia telah menjadikan Malaysia 'kebal' daripada menerima sebarang impak krisis kewangan global," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan kepada ibu tunggal, orang kurang upaya dan anak yatim sempena sambutan hari raya di Wisma BSN, di sini hari ini.

Abdul Azim menjelaskan bahawa orang ramai tidak perlu bimbang mendepositkan wang di BSN kerana wang mereka dijamin sepenuhnya oleh kerajaan sekiranya berlaku sebarang kegagalan terhadap bank itu pada masa depan. Selain itu, beliau berkata, BSN yang memiliki 373

cawangan di seluruh negara akan melabur antara RM2 juta hingga RM3 juta untuk membangunkan perkhidmatan perbankan Internet bermula suku pertama tahun depan.

Menurutnya, 15 peratus daripada pelanggan sedia adanya dijangka melanggan perkhidmatan itu yang mana ia menawarkan khidmat perbankan Internet secara asas pada peringkat awal seperti memeriksa baki akaun, pembayaran bil utiliti dan pemindahan akaun. Pada masa yang sama, BSN juga sedang menunggu kelulusan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menawarkan perkhidmatan akaun semasa dan penggunaan buku cek menjelang bulan Jun tahun depan.

Abdul Azim berkata, ini adalah produk nilai tambah bank kepada pelanggannya untuk mempelbagaikan kemudahan sedia ada yang selama ini tertumpu kepada produk deposit sahaja. "Ketika itu juga, setiap cek yang dimasukkan ke dalam akaun BSN juga boleh dijelaskan dalam tempoh dua hari sahaja berbanding antara 10 hingga 14 hari sebelum ini," katanya.



28/10/2008(Selasa)

Tunda beli Eurocopter

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 28 Okt. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan pembelian helikopter Eurocopter EC725 sebagai langkah berjimat cermat berikutan krisis kewangan dunia.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, keputusan itu akan membolehkan perbelanjaan pembelian yang keseluruhannya bernilai RM1.67 bilion disalurkan untuk projek lain yang boleh memberi faedah secara langsung kepada rakyat tanpa kerajaan membuat sebarang pinjaman baru.

“Keputusan telah dibuat pada Mesyuarat Exco Majlis Ekonomi yang dipengerusikan saya pada 13 Oktober lalu supaya Eurocopter tidak dibeli pada waktu ini sebab kita memerlukan peruntukan ini untuk membiayai banyak projek lain yang boleh memberi kesan berganda kepada rakyat.

“Ini bukan bermakna kita langsung tidak mahu membeli helikopter pengganti Nuri. Keputusan pembelian helikopter baru akan dibuat selewat-lewatnya sebelum 2011 atau lebih awal, bila kedudukan kewangan membolehkan kita beli.

“Ini termasuk kemungkinan membelinya dalam jumlah sedikit terlebih dahulu,” kata Abdullah kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali Kementerian Pertahanan di Kem Kementah di sini hari ini.

Dengan keputusan menangguhkan pembelian Eurocopter, kata Perdana Menteri, semua 28 helikopter Nuri sedia ada perlu sentiasa dibaik pulih supaya selamat digunakan memandangkan sebarang pembelian baru akan mengambil masa sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum bekalan diterima.

Abdullah menjelaskan, keputusan tersebut tiada kaitan dengan dakwaan beberapa pihak bahawa wujud penyelewengan dalam pengeluaran tender projek itu termasuk dakwaan Eurocopter menawarkan kemudahan membaik pulih helikopter di Subang, Selangor bernilai RM250 juta.

“Saya tidak percaya berlaku penyelewengan kerana pemilihan Eurocopter dilakukan melalui tender terbuka dan banyak syarikat terlibat. Terpulang kepada syarikat terbabit untuk menawarkan apa sahaja pakej sampingan yang ingin diberi,” jelasnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, penangguhan tersebut tidak akan merugikan kerajaan kerana pembelian masih pada peringkat pengeluaran surat hasrat yang tidak memerlukan kerajaan membayar apa-apa pampasan jika berlaku penangguhan.

“Pada masa ini kerajaan belum memaklumkan secara rasmi kepada pihak berkenaan (Eurocopter dan kerajaan Perancis) berhubung penangguhan ini. “Kita juga belum membuat keputusan sama ada helikopter baru yang akan dibeli sebelum 2011 nanti akan melibatkan tender baru atau terus memilih Eurocopter,” ujarinya.

Beliau juga menegaskan, semua pihak tidak harus membuat andaian bahawa negara akan menghadapi kegawatan ekonomi berikutan langkah penangguhan tersebut kerana kemungkinan itu tidak akan berlaku. Ditanya sama ada penangguhan berkenaan akan menyebabkan mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang bakal diadakan esok bagi mengkaji pembelian helikopter itu akan dibatalkan, Abdullah berkata, mesyuarat berkenaan boleh diteruskan.

“Perkara ini telah diputuskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya PAC diberi peluang untuk menghalusi mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan cadangan untuk membeli helikopter ini. “Mesyuarat ini pun ada baiknya. Biarlah mereka tahu apakah prosedur yang telah digunakan oleh Kementerian Pertahanan dan mengapakah akhirnya harga yang dibeli begitu tinggi, apakah sebab-sebabnya,” kata beliau

Menurut Abdullah, harga yang agak tinggi dibayar Malaysia berbanding helikopter Eurocopter yang dibeli oleh Brazil kerana helikopter yang ditawarkan mempunyai kemampuan untuk pelbagai fungsi khususnya aktiviti mencari dan menyelamatkan, tempur serta mengangkut anggota tentera.



28/10/2008(Selasa)

Kementah, KDN akan bincang Eurocopter - TPM

PUTRAJAYA 28 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Kementerian Pertahanan (Kementah) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan berbincang berhubung keputusan menangguhkan pembelian pesawat Eurocopter EC725 bagi menggantikan Nuri.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perbincangan itu bagi mencari kaedah yang paling sesuai mengenai pembelian pesawat tersebut sama ada menangguhkan pelaksanaannya atau tempoh pembayaran dipanjangkan. "Kita telah memutuskan projek yang tidak ada kesan limpahan yang besar dikaji semula.

"Ini supaya peruntukan yang diijamatkan itu digunakan untuk membangunkan ekonomi serta menentukan bahawa kesan limpahan yang maksimum dapat dirasai rakyat terutama mereka yang memerlukan bantuan kerajaan. "Tetapi kita serahkan perkara ini (penangguhan pembelian Eurocopter) untuk dirundingkan dengan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri, sekiranya prinsip ini boleh diterima, projek itu kita boleh kaji semula, sama ada kita tangguh pelaksanaannya atau buat pembayaran yang kita panjangkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis Mesra Aidilfitri anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini malam ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan keputusan kerajaan menangguhkan pembelian helikopter Eurocopter EC725 pada masa ini sehingga keadaan krisis ekonomi dunia kembali stabil. Abdullah yang juga Menteri Pertahanan, berkata, keputusan itu dibuat pada mesyuarat Exco Majlis Ekonomi yang dipengerusikan beliau pada 13 Oktober lalu.

Pada 3 September lalu, Kementerian Pertahanan menerima keputusan dan persetujuan daripada Kementerian Kewangan untuk memilih tender Eurocopter, pesawat milik Eurocopter Malaysia Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat European Aeronautic Defence and Space Co. (EADS) dan surat hasrat kepada Eurocopter telah dikeluarkan pada 15 September lalu.

Najib berkata, kerajaan menyedari bahawa terdapat keperluan bagi Tentera Udara Malaysia (TUDM) untuk memiliki pesawat baru kerana Nuri sudah terlalu lama berkhidmat dan banyak terhempas sehingga memakan ramai korban. "Sebab itu satu tender antarabangsa telah dipanggil untuk menggantikan pesawat Nuri, kita jangan lupa bahawa keselamatan anggota tentera dan penumpang yang gunakan Nuri, ini perlu diambil kira dalam keputusan yang kita hendak buat," katanya.



29/10/2008(Rabu)

MPS beli banglo YDP

SELAYANG 29 Okt. - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) akan membeli sebuah banglo bernilai kira-kira RM900,000 untuk dijadikan kuarters tetap bagi Yang Dipertuanya. Keputusan membeli banglo di Templer Villa, Taman Templer dekat sini itu diputuskan dalam mesyuarat penuh MPS di sini hari ini.

Yang Dipertua MPS, Zainal Abidin Azim berkata, banglo berkenaan sebenarnya telah mula disewa sejak 10 bulan lalu dengan kadar RM5,000 sebulan. "Bayaran sewa selama setahun iaitu RM60,000 yang telah dibayar akan ditolak daripada harga belian banglo berkenaan," katanya.

Menurut beliau, selama ini, MPS menyewa sebuah banglo milik Pejabat Tanah dan Daerah sebagai kediaman Yang Dipertua MPS. "Sekarang Pejabat Daerah mahu semula banglo berkenaan menyebabkan MPS terpaksa menyewa rumah baru. Banglo yang dibeli ini bukan untuk saya tetapi untuk Yang Dipertua MPS," kata Zainal kepada pemberita selepas mesyuarat.

Dalam mesyuarat penuh MPS kali keempat sejak kerajaan negeri baru mengambil alih, 14 ahli majlis menyokong pembelian banglo berkenaan, enam membangkang sementara tiga ahli tidak hadir. Katanya lagi, MPS juga bercadang membeli sebuah bas mini bagi memudahkan kakitangan menjalankan tugas termasuk menghadiri kursus.

"Selama ini, MPS hanya mempunyai sebuah bas panjang dan ia telah berusia 10 tahun. Sepatutnya pada usia itu, ia telah dilupuskan dan diganti baru tetapi kami tidak mempunyai wang. "Bas itu telah beberapa kali dibaik pulih. Dengan pembelian bas mini nanti, kami dapat menjimatkan penggunaan kenderaan lain, kos bahan api, tol dan pemandu," jelasnya sambil menambah anggaran awal harga bas mini itu ialah RM300,000. Katanya, kedua-dua aset baru MPS itu akan dibeli menggunakan peruntukan daripada Bajet 2009.



29/10/2008(Rabu)

Kelantan akui hanya daftar SAR bermasalah dengan kementerian

KOTA BHARU 29 Okt. – Kerajaan negeri Kelantan hari ini mengakui hanya mendaftar Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dikategorikan sebagai 'sakit' dan bermasalah dengan Kementerian Pelajaran.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah, Nik Mohd. Amar Nik Abdullah berkata, kerajaan negeri hanya mendaftar 22 daripada 66 buah SAR seluruh negeri dan tidak sesekali akan mendaftar sekolah yang mempunyai reputasi baik dan berjaya maju dengan kementerian.

“Kita akui kita hanya daftar sekolah-sekolah agama yang bermasalah, sekolah yang sempit, sekolah yang mempunyai persekitaran yang tidak sempurna, dan sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan. “Kita pilih sekolah daif dan uzur untuk didaftarkan, sama jugalah kita tak bawa anak yang sihat ke hospital, kita hanya bawa anak yang sakit saja ke hospital. Kalau bapa bawa anak yang segar masuk hospital, maknanya bapa tu yang tak segar,” katanya ketika sesi penggulangan Bajet 2009 pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan hari ini.

Katanya, kerajaan negeri menyambut baik langkah Kementerian Pelajaran memperuntukkan RM5 juta untuk membantu semua sekolah agama yang telah didaftarkan di seluruh Kelantan itu. Menurut beliau, kerajaan negeri akan mengambil masa untuk mendaftarkan semua baki SAR yang lain dan hanya akan berbuat demikian sekiranya kementerian terbukti benar-benar ikhlas membantu semua sekolah yang telah berdaftar itu.

“Kerajaan negeri tidak menetapkan tempoh atau jangka masa tertentu untuk kementerian buktikan keikhlasan dalam urusan membantu sekolah-sekolah agama ini, kita akan tunggu dan lihat keberkesanannya sebelum mendaftar baki sekolah-sekolah berkenaan. “Kita harap dengan pendaftaran ini, sekolah-sekolah yang lemah dan bermasalah akan dapat ditingkatkan tarafnya,” katanya.

Nada Nik Mohd. Amar dilihat lembut berbanding Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Takiyuddin Hassan yang menyalahkan Kementerian Pelancongan dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) Kelantan kerana mendakwa gagal membantu negeri itu memajukan sektor pelancongannya.

Katanya kerajaan negeri menerusi Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan sukar menemui titik persamaan dengan MTPN yang dipengerusikan Abdul Aziz Derashid (BN-Kuala Balah) dan mendakwa MTPN tidak pernah merujuk terlebih dahulu dengan kerajaan negeri sebarang perancangannya dalam hal pelancongan. — Bernama



29/10/2008(Rabu)

Pembelian Eurocopter profesional - PAC

KUALA LUMPUR 29 Okt. - Penilaian awal yang dibuat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati aspek teknikal pembelian helikopter Eurocopter EC725 dibuat secara profesional. Bagaimanapun, kata Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid, kesimpulan lengkap

mengenai pembelian itu hanya boleh dibuat setelah pihaknya membuat penilaian menyeluruh termasuk aspek kewangan yang akan dibentangkan pada hari kedua mesyuarat jawatankuasa itu esok.

"Dari segi teknikal yang dibentangkan hari ini, kita mendapati ia dibuat dengan profesional, tetapi saya tidak dapat memberikan komen lebih lanjut kerana banyak lagi aspek lain yang perlu diteliti.

"Saya juga perlu membuat perbincangan dengan ahli-ahli jawatankuasa lain," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat PAC yang turut disertai wakil rakyat pembangkang di bangunan Parlimen di sini hari ini.



29/10/2008(Rabu)

404 projek guna IBS dilulus hingga 15 Oktober

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Kerajaan meluluskan sebanyak 404 projek menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dengan kos RM9.4 bilion sehingga 14 Oktober lepas, kata Menteri Kerja Raya Datuk Ir Mohd Zin Mohamed. Beliau berkata, ia meliputi pelaksanaan projek pembangunan dan perumahan rakyat oleh agensi-agensi kerajaan seperti yang telah ditetapkan iaitu menggunakan sekurang-kurangnya 70 peratus kandungan IBS dalam projek-projek itu.

IBS adalah teknik pembinaan yang melibatkan pemasangan di tapak binaan komponen-komponen pra-tuang atau pre-fabrikasi atau pasang siap. Ia berintensifkan teknologi mekanisme dan automasi. Bercakap kepada pemberita selepas sesi taklimat kepada kontraktor Zon Tengah mengenai Pengiraan Perubahan Harga di sini hari ini, Mohd Zin juga berharap sektor swasta akan turut serta menggunakan kaedah IBS. - Bernama



29/10/2008(Rabu)

Program e-Tanah tidak gagal

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Kerajaan menafikan dakwaan parti pembangkang kononnya program e-Tanah yang diperkenalkan sejak dua tahun lalu bagi mengatasi masalah kelewatan dan kerenah birokrasi dalam pengurusan pentadbiran tanah sebagai satu projek yang gagal.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas berkata, projek tersebut tidak gagal tetapi mungkin berlaku kelewatan dalam proses pelaksanaannya. "Saya ingin

menegaskan bahawa ia tidak gagal kerana sekarang kita telah menggunakan dua daripada sembilan modul utama yang diperkenalkan iaitu modul pendaftaran dan modul kutipan hasil. “Malah bagi tahun ini sahaja, sebanyak 21,259 urusan telah berjaya dijalankan dalam urusan modul pendaftaran manakala bagi kutipan hasil pula, kita berjaya mengutip RM135 juta kutipan hasil melalui sistem ini,” katanya.

Beliau menjawab pertanyaan Saifuddin Nasution Ismail (PKR-Machang) mengenai masalah yang berlaku dalam pelaksanaan program e-Tanah pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Menurut Douglas, berdasarkan tinjauan yang dibuat, sistem tersebut juga dapat dilaksanakan dengan mudah dan mampu diselesaikan dalam tempoh 15 minit sahaja berbanding sistem lama yang mengambil masa selama dua jam. Jelasnya, keberkesanan sistem tersebut antara bukti bahawa program itu tidak gagal dan kerajaan menjangkakan sembilan modul utama program e-Tanah dapat dilaksanakan sepenuhnya pada awal tahun depan.

“Bagaimanapun, Jabatan Perdana Menteri kini mempertimbangkan sama ada sistem ini dapat diperluaskan atau tidak kerana buat masa ini program e-Tanah hanya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia,” ujarinya.

Sementara itu, menjawab pertanyaan Dr. Mohd. Puad Zarkashi (BN-Batu Pahat) berhubung kes kehilangan tanah berikutan berlaku penyelewengan, beliau memberitahu, kerajaan mengambil berat beberapa kes penipuan yang berlaku di seluruh negara. Tambahnya, pada tahun lalu, sebanyak 39 kes penipuan berlaku dan kerajaan memandang serius kes tersebut walaupun ia dianggap kecil kerana negara ini memiliki 6.6 juta geran tanah.

“Langkah pertama yang kita ambil ialah bekerjasama dengan pihak polis untuk mengatur satu pasukan bagi mengawasi kegiatan di pejabat tanah,” tegasnya.

Douglas berkata, kerajaan juga bercadang menggunakan sistem biometrik supaya cap jari dapat digunakan bagi menentukan kesahihan pemilik sebenar selain memasang kamera litar tertutup (CCTV) di pejabat tanah. Beliau juga memberitahu, projek perintis e-Tanah di Pulau Pinang memerlukan sedikit masa untuk stabil kerana penggunaan sistem yang besar dan kompleks bagi mengendalikan urusan tanah secara online.

Katanya, pelaksanaan sistem komputer bersepadu itu melibatkan aspek seperti pendaftaran, hasil, strata, lelong, pelupusan dan pengambilan, menampakkan kejayaan walaupun sedikit perlahan.



30/10/2008(Khamis)-Rencana

Jika saya YDP PBT

Dalam melaksanakan tugas sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN), saya sering menerima aduan daripada orang ramai berhubung prestasi dan kerehah yang dihadapi oleh mereka apabila berurusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tertentu.

Dalam hubungan ini, saya juga sering mengingatkan mana-mana pegawai perkhidmatan awam yang saya temui dalam forum atau mesyuarat bahawa PBT sebenarnya merupakan barisan hadapan kepada pentadbiran kerajaan, selain Pejabat Tanah dan Daerah (PTD). Orang ramai di pelbagai peringkat beranggapan berurusan dengan kedua-dua institusi ini seolah-olah mereka sedang berurusan dengan kerajaan. Baik ataupun buruknya perkhidmatan yang diberikan, akan mencerminkan prestasi semasa kerajaan.

Orang ramai akan tersenyum puas apabila perkhidmatan yang diberi dapat dilakukan dengan pantas, cekap dan tepat. Walau bagaimanapun tidak kurang juga yang merasa hampa, apabila perkhidmatan yang diberikan lambat, tidak cekap dan tidak telus. Mereka akan merasa kecewa apabila urusan yang sepatutnya dapat diselesaikan dalam 10 minit, perlu diselesaikan dalam tempoh 1 jam dan lebih malang lagi sehingga ke 24 jam. Oleh yang demikian, kedua-dua institusi ini perlulah lebih berupaya memberikan perkhidmatan yang cepat, cekap dan berintegriti kepada rakyat dan sektor awam.

Menerusi ruangan ini, saya ingin menyentuh peranan yang boleh dilaksanakan oleh seorang Yang Dipertua (YDP) kepada sesebuah PBT. Sebagai seorang pelanggan kepada PBT di kawasan perbandaran rumah saya dan sebagai seorang ketua kepada perkhidmatan awam di negara ini, saya ingin berkongsi pandangan dan pendapat terhadap perkara-perkara yang akan saya lakukan, sekiranya saya dipertanggungjawabkan sebagai YDP kepada sebuah PBT.

Fokus dan Tumpuan TugasPrinsip yang akan saya gunakan sebagai fokus dan tumpuan tugas saya adalah ringkas tetapi komited terhadap apa yang digariskan iaitu:

- * Rancang;
- * Laksanakan; dan
- * Menguatkuasakan.

Perkara-perkara yang akan saya lakukan dalam merancang fokus dan tumpuan kerja saya meliputi perkara-perkara berikut:

- * Melakukan penilaian terhadap keadaan/persekitaran semasa;
- * Mengenal pasti kelemahan, kekurangan dan ketidakcekapan sistem atau amalan sedia ada;
- * Mendapatkan pandangan/ idea/ cadangan yang boleh diguna pakai dalam mengatasi kelemahan/kekurangan yang dikenal pasti; dan
- * Merangka tindakan dan langkah-langkah yang akan diguna pakai bagi mengatasi kelemahan dan ketidakcekapan sistem sedia ada.

Aspek pelaksanaan pula akan meliputi perkara-perkara berikut:

- * Memastikan semua tindakan dan langkah-langkah yang telah dirancang, dilaksanakan;
- * Mendapatkan pandangan dan maklum balas *stakeholders* terutama orang ramai dan pihak-pihak yang berkepentingan; dan
- * Menilai semula tindakan dan langkah-langkah yang telah dijalankan di samping melakukan penambahbaikan.

Aspek penguatkuasaan merupakan elemen terpenting dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan sesuatu gerak kerja atau tindakan yang digariskan. Ini dapat dilakukan dengan:

- * Menguatkuasakan sepenuhnya peraturan yang ditetapkan mengikut perkara-perkara yang telah dirancang sewajarnya; dan
- * Memberikan ganjaran di atas pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan dan mengenakan hukuman di atas pelanggarannya.

Mengukuhkan Tanggungjawab AsasTanggungjawab asas semua PBT di negara ini adalah sama. Orang ramai telah sinonim dengan bidang tugas PBT ini yang popular dengan singkatan 'SLR' iaitu sampah, longkang dan rumput.

Kesinoniman ini ada kalanya ditambah kepada 'JLL' iaitu jalan, lampu jalan dan lampu isyarat. Namun demikian, sebenarnya terdapat hampir 16 penyelenggaraan awam yang terletak di bawah tanggungjawab PBT iaitu:

- * penyelenggaraan jalan raya;
- * penyelenggaraan lampu jalan;
- * penyelenggaraan lampu isyarat;
- * penyelenggaraan stesen dan perhentian bas;

- * penyelenggaraan stesen dan perhentian teksi;
- * penyelenggaraan jejantas;
- * penyelenggaraan tempat letak kereta awam;
- * penyelenggaraan medan makan;
- * penyelenggaraan pasar awam;
- * penyelenggaraan pasar malam;
- * penyelenggaraan tandas awam;
- * penyelenggaraan taman rekreasi;
- * penyelenggaraan dewan orang ramai;
- * penyelenggaraan kompleks sukan awam;
- * penyelenggaraan papan tanda; dan
- * penyelenggaraan billboard awam.

Namun demikian, saya kuat beranggapan bahawa sekiranya PBT dapat memastikan penyelenggaraan 'SLRJLL' dapat dilaksanakan dengan baik menerusi komitmen yang tinggi (100 peratus), sebahagian besar imej PBT tersebut dapat ditingkatkan.

Saya berpandangan sedemikian kerana kebanyakan rungutan dan aduan terhadap kelemahan PBT diwarnai oleh isu penyelenggaraan kemudahan awam, kebersihan, lesen perniagaan, kelulusan pelan bangunan dan CCC.

Komited terhadap Tugas Penyelenggaraan Sebagai tumpuan bagi tugas-tugas penyelenggaraan ini, perkara berikut akan saya lakukan, ialah:

- * memastikan jadual penyelenggaraan diberitahu secara rasmi kepada orang ramai melalui surat dan pemasangan papan kenyataan di tempat-tempat strategik seperti jadual pengutipan sampah;
- * penyelenggaraan turut dilakukan termasuk pada cuti umum, jika perlu;
- * memastikan PBT saya atau syarikat konsesi yang dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas penyelenggaraan dan pembersihan secara tetap dan mengikut jadual;

- * membentuk unit khas di bawah PBT untuk mengendalikan serta-merta kerja-kerja awalan pembaikan dan pemulihan dari segi kebersihan dan penyelenggaraan, apabila aduan diterima; dan

- * jika syarikat konsesi seperti syarikat kutipan sampah atau syarikat yang diberikan kontrak pembersihan longkang gagal melaksanakan tugasnya, saya akan mendapatkan khidmat kontraktor lain atau melaksanakan sendiri kutipan sampah atau pembersihan longkang tersebut, dan kos ditolak secara automatik daripada pembayaran syarikat tersebut.

Penggunaan ICT Secara Maksimum Satu perkara yang akan menjadi tumpuan saya ialah memastikan semua perkhidmatan yang disediakan di PBT mengguna pakai kemudahan-kemudahan teknologi ICT terkini bagi memudahkan urusan para pelanggan. Ini meliputi pelbagai perkhidmatan seperti berikut:

- * pelaksanaan sistem pembayaran melalui talian (*online payment*) untuk pelbagai transaksi perkhidmatan;

- * pengeluaran peringatan pembaharuan semua jenis lesen;

- * pelaksanaan sistem *e-complaint*;

- * penggunaan secara menyeluruh sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam urusan komunikasi seperti e-mel dan pengaksesan makluman seperti laman web; dan

- * penglibatan dan perkongsian maklumat dengan orang ramai mengenai semua perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan supaya pelanggan maklum mengenainya.

Pemantauan Menyeluruh Pemantauan merupakan elemen utama dalam menentukan sesuatu tugas tersebut dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Oleh yang demikian, sebagai YDP saya akan memastikan:

- * pegawai-pegawai PBT dan Ahli Majlis yang ditugaskan sebagai Pegawai Khas (*Area Officer*) hendaklah melaksanakan peranan mereka dengan lebih berkesan;

- * pegawai PBT yang ditugaskan untuk memantau kebersihan dan penyelenggaraan hendaklah bermotosikal untuk meronda di kawasan jagaan masing-masing.

Rondaan ini perlu dilakukan sekurang-kurangnya seminggu sekali bagi setiap kawasan. Laporan hendaklah dikemukakan terus kepada saya sebagai YDP PBT untuk tindakan; dan

- * pegawai penguat kuasa PBT yang membuat rondaan penguatkuasaan, perlu juga melaporkan tentang keadaan kebersihan dan kemudahan awam di kawasan rondaannya, pada setiap hari.

Penguatkuasaan Sepenuhnya Dalam melahirkan budaya kerja yang cekap dan teratur, saya akan memastikan aspek penguatkuasaan sentiasa dititikberatkan pada sepanjang masa. Antara perkara yang akan saya lakukan dalam menguatkuasakan peraturan di bawah PBT ini ialah:

- * memastikan saya mendapat mandat yang sepenuhnya untuk menjalankan penguatkuasaan tanpa dihalang atau diganggu oleh mana-mana pihak;
- * memastikan premis kediaman yang didapati kotor atau menyebabkan longkang tersumbat dikenakan denda, manakala premis perniagaan tidak dibenarkan berniaga untuk satu tempoh tertentu;
- * menyebarkan maklumat pembayar yang belum membayar cukai iaitu setelah tertunggak dalam beberapa tahun (misalnya dalam tempoh tiga tahun) atau berdasarkan amaun tunggakan dan disiarkan di dalam laman web PBT serta surat khabar;
- * merobohkan bangunan kediaman tambahan yang dibangunkan tanpa permohonan atau kelulusan PBT atau yang melanggar peraturan, bagi menjamin keharmonian serta kesejahteraan kehidupan penduduk dan semangat kejiranan setempat.

Gaya Kepimpinan Dalam pada itu, ke arah memastikan aspek kebersihan dan penyelenggaraan secara lebih berkesan, saya dan Setiausaha PBT akan mengamalkan gaya "pengurusan turun padang" atau *Management By Walking About* (MBWA) sekurang-kurangnya tiga hari dalam sebulan.

Ini akan membolehkan tinjauan dengan lebih dekat dapat dilakukan terhadap masalah yang berlaku di akar umbi. Segala penemuan akan direkodkan di dalam buku log yang disediakan untuk tindakan penyelesaian sewajarnya.

Harapan Seorang YDP PBT Saya percaya orang ramai sentiasa mengimpikan kawasan kediaman dan perbandaran mereka sentiasa bersih dan cantik menerusi sistem penyelenggaraan yang cekap dan efisien.

Perkara-perkara yang telah saya nyatakan akan saya lakukan sekiranya saya seorang YDP sebuah PBT, sebahagian besarnya merupakan amalan terbaik yang telah dilaksanakan di sebahagian kecil PBT yang dianggap cemerlang.

Oleh yang demikian, saya pasti sekiranya semua 144 YDP PBT di seluruh negara dapat menghayati prinsip kerja ini, saya yakin kawasan kediaman dan bandaran di bawah seliaan mereka akan sentiasa bersih dan cantik, di samping meningkatkan keharmonian serta kesejahteraan hidup penduduk setempat.



30/10/2008(Khamis)

PDRM turut tangguh beli Eurocopter

KUALA LUMPUR 30 Okt. - Kerajaan memutuskan untuk menangguhkan pembelian lapan helikopter bagi kegunaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) daripada Eurocopter Malaysia Sdn. Bhd. (Eurocopter) sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung berkata, keputusan itu dibuat kerana pelbagai sebab walaupun peruntukan RM272 juta diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi tujuan pembelian berkenaan.

"Pihak polis memang berhasrat membeli helikopter bagi menambah kecekapan menjalankan tugas tetapi pada masa ini, kita memutuskan ia hanya akan dibuat dalam RMK-10," katanya ketika menggulung perbahasan Bajet 2009 di sini hari ini. Dengan tiadanya sebarang rancangan untuk memperoleh helikopter itu dalam waktu terdekat, katanya, dakwaan pembangkang bahawa kos pembelian itu telah meningkat adalah tidak berasas.

"Adalah tidak betul dakwaan Ahli Parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan telah menulis surat kepada Kementerian Kewangan pada 2007 supaya dilakukan pembelian secara rundingan terus untuk pembelian helikopter ini dengan nilai lebih tinggi iaitu RM350 juta. "Bagi saya dakwaan itu tidak berasas kerana Ketua Polis Negara tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan sedemikian," ujarinya.



30/10/2008(Khamis)

Pembinaan hotel TH di Mekah akan bermula

PETALING JAYA 30 Okt. - Kerja-kerja pembinaan hotel milik Tabung Haji (TH) di Tanah Suci Mekah akan dimulakan tidak lama lagi selepas kerajaan Arab Saudi memberi kelulusan untuk membangunkan bangunan setinggi 30 tingkat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, pihak Tabung Haji kini hanya menunggu untuk mempersiapkan beberapa perkara yang menyentuh aspek perundangan sebelum memulakan pembinaan hotel yang mempunyai 1,650 bilik dan boleh menempatkan 18,000 jemaah itu.

"Kita juga sedang berbincang untuk menentukan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) di mana CIDB akan mengenal pasti kontraktor tempatan yang akan bekerjasama dengan syarikat pembinaan di sana iaitu Kumpulan BinLaden," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis mengucapkan selamat jalan kepada rombongan pertama jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, dekat sini hari ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah. Hadir sama ialah Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamad Nor dan Duta Arab Saudi ke Malaysia, Mohamed Reda Abu Al-Himayel.

Ditanya mengenai kos pembinaan hotel itu, beliau berkata, harga tanahnya sahaja bernilai 650 juta Riyal Arab Saudi dan kos pembinaan pula dianggar 350 juta Riyal. Bagaimanapun kata Ahmad Zahid, beliau tidak menolak kemungkinan kos pembinaan akan meningkat berikutan harga barang binaan yang semakin tinggi.

"Tapi kita sedang cari jalan supaya kontraktor yang kita lantik ini dapat memberikan harga yang lebih munasabah dalam masa yang sama menghasilkan binaan yang bermutu. "Reka bentuk bangunan hotel juga akan mengikut apa dibenarkan kerajaan Arab Saudi tetapi bertepatan dengan selera jemaah Malaysia," jelas beliau.

Tambah beliau, dengan terbinanya hotel tersebut yang perancangan awalnya dijangka siap menjelang 2011 itu, diharap dapat mengurangkan kos penginapan jemaah haji Malaysia selain dapat mendekatkan jarak tempat penginapan dengan Masjidil Haram iaitu 200 meter. Mengenai kemudahan yang disediakan untuk jemaah haji negara di tanah suci, beliau berkata, selain kenderaan yang mencukupi terutama untuk kemudahan jemaah yang berusia, pihak Tabung Haji juga membawa enam doktor pakar bagi membantu merawat penyakit kronik jika ada.

Sementara itu, tinjauan Utusan Malaysia di Kompleks Tabung Haji mendapati pihak pengurusan telah memasang dua skrin besar bagi memudahkan keluarga dan sanak saudara para jemaah haji melihat mereka berangkat.



30/10/2008(Khamis)

Keadaan Pantai Morib memalukan

KUALA Langat adalah sebuah daerah di Negeri Selangor yang terkenal dengan kawasan bersejarah dan pantai perangnya. Pantai Morib merupakan antara daya tarikan untuk pelancong datang ke daerah ini.

Sebagai penduduk, saya amat bangga dengan daerah Kuala Langat walau apa pun parti pemerintahnya. Tetapi kebelakangan ini saya sangat malu dengan keadaannya terutama Pantai Morib. Dahulu Pantai Morib menjadi tumpuan kerana keindahan dan kebersihannya. Baru-baru ini saya pergi lagi ke pantai ini untuk kesekian kalinya, tetapi saya sangat dukacita dan malu sekali dengan keadaannya.

Walaupun ada pihak yang rajin membuat karnival barang-barang Siam hampir setiap bulan tetapi jelas bahawa pihak tersebut hanya hendak membuat keuntungan sewa tanpa memikirkan keadaan setempat yang tidak seperti pantai peranginan tumpuan. Kawasanya jelas sekali tidak dijaga oleh pihak yang berkenaan dan tentunya oleh PBT (MDKL). Jika hendak ditulis di sini terlalu banyak keaiban pantai ini yang boleh dicatat tetapi saya rasa lebih baik pihak pengurusan MDKL dan pemerintah negeri Selangor sekarang turun sendiri ke pantai ini.

Namun untuk perhatian pihak berkenaan, saya akan catatkan sedikit keadaan Pantai Morib kesayangan penduduk Kuala Langat ini. Keadaan Pantai Morib seperti rumah tinggal yang tidak dipedulikan oleh tuan punya, penduduk sekitar atau sesiapa pun.

Masuk saja ke pantai tersebut, pengunjung akan disajikan dengan gerai-gerai menjamu selera yang seperti baru dilanda ombak tsunami. Keadaannya sangat mengaibkan dengan bangunannya yang seperti hendak runtuh, atap yang hilang, tiang-tiang yang hendak tumbang, lalat menemani kita menjamu selera dan juga sampah-sarap boleh dilihat di merata tempat.

Kadang-kadang saya rasa hendak menghalang pengunjung melalui kawasan ini untuk mengelakkan rasa malu terutama kepada pengunjung luar. Taman permainan yang agak besar juga memang memalukan. Banyak peralatannya memang tidak sesuai sekali untuk digunakan lagi. Bukan setakat buaian kanak-kanak yang patah tetapi hampir keseluruhan alat permainan di sini memang telah rosak teruk.

Saya tidak hairan jika suatu hari pihak PBT akan disaman oleh penjaga yang anaknya mengalami kecederaan kerana menggunakan alat permainan di sini. Bukan itu sahaja, malah kanak-kanak yang bermain juga akan ditemani oleh anjing liar dan monyet liar yang menunggu untuk menyelongkar dan menyambar makanan.

Sedangkan masih terdapat papan kenyataan makluman pihak berkenaan (walaupun telah terkopak) yang masih boleh dibaca menyatakan pengunjung tidak dibenarkan membawa binatang peliharaan seperti anjing ke kawasan tersebut.

Pondok rehat pula tidak ubah seperti perhentian bas yang dirosakkan angkara vandalisme. Tetapi keadaannya lebih teruk lagi. Ada yang tinggal tiang-tiang yang hampir roboh dan tentunya boleh menimpa pengunjung tetapi yang menghairankan, apakah tujuannya perkara seperti ini dibiarkan sahaja? Adakah ia akan menjadi salah satu monumen bersejarah seperti di Bukit Jugra, Banting?

Tembok penghadang air laut juga telah banyak yang retak dan menunggu masa sahaja untuk roboh. Bayangkan jika perkara ini berlaku semasa pengunjung berjela-jalan atau berehat di tepi pantai. Adakah pihak berwajib sanggup bertanggungjawab?

Sebenarnya banyak perkara lagi yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkenaan termasuk kawasan hujung pantainya (berdekatan padang golf dan hotel) yang menjadi tumpuan anak muda bermotosikal (walaupun ada penghadang menghalang kenderaan lalu) 'berehat' kerana jauh dari pandangan umum. Saya akui beberapa pembangunan telah dilakukan seperti jalan pantai yang baru menuju ke Pantai Kelanang (walaupun rumput menghalang dan menutup sebahagian jalan ini), Hotel Impiana yang baru beberapa tahun beroperasi dan pembinaan pusat peranginan dan kondo bertaraf antarabangsa tidak jauh dari pantai ini.

Namun semua ini masih tidak dapat menutup keburukan Pantai Morib sekarang. Berdasarkan pemerhatian saya, keadaan pantai ini sekarang memang tidak sesuai sama sekali dikunjungi oleh sesiapaupun untuk tujuan beriadah atas dasar keselamatan terutamanya. Lebih baik Pantai Morib ditutup untuk dibaik pulih atau terus ditutup jika pihak berkenaan memang tiada usaha untuk membaikinya. Saya sangat malu dengan keadaannya dan berharap pihak berkenaan jangan menunggu disaman untuk bertindak. Ingat, saman pada hari ini berharga berjuta-juta ringgit.

JAYUSM 3110 Banting



30/10/2008(Khamis)

PM: Harga sebenar RM1.607b

KUALA LUMPUR 30 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menjelaskan kesilapan mengenai harga helikopter yang beliau umumkan semalam. Perdana Menteri berkata, harga sebenar helikopter ialah RM 1.607 bilion dan bukannya RM1.7 bilion seperti yang beliau umumkan semalam.

"Harga semalam yang saya keluarkan melalui satu kenyataan ialah RM1.7 bilion, itu adalah satu kesilapan dan saya minta maaf atas kesilapan itu. Sebenarnya angka itu ialah RM1.67 bilion maka saya kata kita bulatkan angkanya kepada RM1.7 bilion. "Pagi ini ketika saya di Kementerian Pertahanan saya diberitahu angka itu adalah salah sebenarnya ia adalah RM1.607 bilion. Ini adalah isu akademik sebenarnya," katanya.

Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian kepada pemberita selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Daya Saing Industri Sawit di Parlimen di sini hari ini.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan akan membincangkan pembelian helikopter berkenaan apabila berasa masanya sesuai dan mempunyai kewangan yang cukup untuk berbuat demikian.

"Agak teknikal dan akademik untuk berbincang mengenai harga pada masa ini terutamanya apabila keputusan sudah dibuat bagi menanggung pembelian helikopter berkenaan. "Saya tidak akan tahu berapakah harga helikopter selepas penangguhan memakan tempoh masa tertentu," katanya.



30/10/2008(Khamis)

Konsep projek agropolitan diperluas

KOTA KINABALU 30 Okt. - Kerajaan negeri merancang memperluaskan lagi konsep projek agropolitan di negeri ini bagi memastikan matlamat mengurangkan jumlah keluarga miskin dicapai. Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin berkata, menerusi konsep ini kerajaan akan membuka lebih banyak kawasan pertanian komersial dengan pesertanya terdiri daripada golongan miskin.

"Setakat ini, sektor pertanian di negeri ini hanya terhad kepada kelapa sawit, getah dan koko yang banyak diusahakan oleh para petani miskin. "Kerajaan akan terus menyokong dan mempromosikan serta mengembangkan program satu daerah satu industri di Sabah bagi menjana pertumbuhan ekonomi para petani di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmi seminar Usahawan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) melalui Perladangan Kontrak, di Hotel Palace, di sini semalam.

Yahya yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri berkata, projek agropolitan juga sebenarnya boleh disertai oleh badan koperasi di Sabah bagi meningkatkan aktiviti ekonomi masing-masing.

"Dengan meningkatkan lagi keupayaan menghasilkan makanan sendiri melalui pertanian, koperasi-koperasi pada masa yang sama mampu menghasilkan tanaman bernilai tinggi untuk dieksport. "Secara tidak langsung mereka juga membantu dalam program membasmi kemiskinan tegar dengan memberi banyak peluang pekerjaan kepada penduduk negeri ini," katanya.

Yahya berkata, jumlah keseluruhan projek dalam SDC yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Sabah pada 29 Januari lalu dianggarkan bernilai RM105 juta. "SDC juga mensasarkan untuk meningkatkan hasil pertumbuhan dalam negeri kasar (GDP) Sabah sebanyak empat kali ganda iaitu daripada RM1.6 bilion kepada RM6.2 bilion dalam masa 18 tahun.

"SDC juga dijangka mampu mewujudkan kira-kira 900,000 pekerjaan kepada rakyat di negeri ini," katanya. Tambah beliau, dengan tumpuan diberikan kepada pertanian, pembuatan, perkhidmatan dan pelancongan dalam perancangan koridor tersebut, ia mampu memberi banyak manfaat kepada rakyat Sabah.



31/10/2008(Jumaat)

PDRM turut tangguh beli Eurocopter

KUALA LUMPUR 30 Okt. - Kerajaan memutuskan untuk menangguhkan pembelian lapan helikopter bagi kegunaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) daripada Eurocopter Malaysia Sdn. Bhd. (Eurocopter) sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung berkata, keputusan itu dibuat kerana pelbagai sebab walaupun peruntukan RM272 juta diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi tujuan pembelian berkenaan.

"Pihak polis memang berhasrat membeli helikopter bagi menambah kecekapan menjalankan tugas tetapi pada masa ini, kita memutuskan ia hanya akan dibuat dalam RMK-10," katanya ketika menggulung perbahasan Bajet 2009 di sini hari ini.

Dengan tiadanya sebarang rancangan untuk memperoleh helikopter itu dalam waktu terdekat, katanya, dakwaan pembangkang bahawa kos pembelian itu telah meningkat adalah tidak berasas.

"Adalah tidak betul dakwaan Ahli Parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan telah menulis surat kepada Kementerian Kewangan pada 2007 supaya dilakukan pembelian secara rundingan terus untuk pembelian helikopter ini dengan nilai lebih tinggi iaitu RM350 juta.

"Bagi saya dakwaan itu tidak berasas kerana Ketua Polis Negara tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan sedemikian," ujarinya.



31/10/2008 (Jumaat)

PM: Harga sebenar RM1.607b

KUALA LUMPUR 30 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menjelaskan kesilapan mengenai harga helikopter yang beliau umumkan semalam. Perdana Menteri berkata, harga sebenar helikopter ialah RM 1.607 bilion dan bukannya RM1.7 bilion seperti yang beliau umumkan semalam.

"Harga semalam yang saya keluarkan melalui satu kenyataan ialah RM1.7 bilion, itu adalah satu kesilapan dan saya minta maaf atas kesilapan itu. Sebenarnya angka itu ialah RM1.67 bilion maka saya kata kita bulatkan angkanya kepada RM1.7 bilion.

"Pagi ini ketika saya di Kementerian Pertahanan saya diberitahu angka itu adalah salah sebenarnya ia adalah RM1.607 bilion. Ini adalah isu akademik sebenarnya," katanya.

Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian kepada pemberita selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Daya Saing Industri Sawit di Parlimen di sini hari ini.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan akan membincangkan pembelian helikopter berkenaan apabila berasa masanya sesuai dan mempunyai kewangan yang cukup untuk berbuat demikian.

"Agak teknikal dan akademik untuk berbincang mengenai harga pada masa ini terutamanya apabila keputusan sudah dibuat bagi menanggung pembelian helikopter berkenaan.

"Saya tidak akan tahu berapakah harga helikopter selepas penangguhan memakan tempoh masa tertentu," katanya.



1/11/2008 (Sabtu)

BPR buka kertas siasatan pembelian Eurocopter

NILAI 1 Nov. — Badan Pencegah Rasuah (BPR) sudah mula membuka kertas siasatan berhubung pembelian helikopter Eurocopter EC725 Cougar bagi menggantikan helikopter Nuri.

Ketua Pengarahnya Datuk Seri Ahamd Said Hamdan berkata siasatan tersebut dibuat berikutan kritikan sesetengah pihak mengenai harganya yang terlalu mahal dan didakwa dipengaruhi pihak tertentu.

Beliau berkata kertas siasatan tersebut baru dibuka selepas menerima maklumat daripada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) baru-baru ini.

"Dokumen dan maklumat penting dah dapat daripada PAC dan kita baru sahaja membuka kertas siasatan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Latihan Ujian Menembak BPR di Lapang Sasar Mantin di sini hari ini.

Beliau berkata kes tersebut akan disiasat yang merangkumi semua aspek termasuk prosedur pemilikan dan juga rasuah.

"Ini termasuk semua aspek termasuk rasuah. Kita akan lihat prosedur seperti adakah kepincangan dalam prosedur dan beberapa aspek lain yang terdapat dalam prosedur itu," katanya.

Pada Selasa lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Pertahanan mengumumkan bahawa kerajaan menangguhkan pembelian 12 helikopter itu yang berharga RM1.679 bilion sehingga keadaan ekonomi dunia stabil.

Beliau berkata kerajaan terpaksa menumpukan perhatiannya pada projek yang lebih penting yang boleh memberikan manfaat kepada orang ramai.

— BERNAMA



1/11/2008 (Sabtu)

Laksana projek tanpa musnah alam

Oleh HASHNAN ABDULLAH

PUTRAJAYA 31 Okt. - Pemaju hartanah digesa supaya lebih kreatif dan tidak sewenang-wenangnya memusnahkan khazanah alam semula jadi ketika melaksanakan projek mereka.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah berkata, pemaju hartanah perlu memberi perhatian serius kepada usaha memelihara dan mengekalkan khazanah alam semulajadi demi kepentingan generasi akan datang.

"Ia akan menjadi lebih baik jika pemaju boleh menjadi kreatif dengan membina rumah di celah-celah pokok dan memelihara segala kekayaan sumber alam yang telah dianugerahkan oleh Tuhan kepada kita.

"Janganlah dimusnahkan semua khazanah alam itu semata-mata untuk membina rumah tanpa meninggalkan sedikit rumput atau pokok untuk keselesaan," katanya ketika berucap merasmikan Taman Rimba Alam di Presint 14 dan 15 di sini hari ini.



Jeanne Abdullah menandatangani plak sambil diperhatikan Samsudin Osman dan isteri Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Sri Siti Nooriah Anna Razak (kiri) sempena majlis Perasmian Taman Rimba Alam di Presint 14 dan 15, Putrajaya, semalam.

Turut hadir Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman. Pada majlis yang sama, Jeanne turut menanam pokok hutan yang dikenali sebagai Pokok Tualang di kawasan Arboretum. Taman seluas 160 hektar dan mula dibangunkan pada tahun 2001 itu adalah ilham kepada sebuah taman yang menempatkan pelbagai jenis spesies flora dan fauna hutan tropika. Taman yang akan dibuka pada tahun depan itu turut menyediakan kemudahan untuk aktiviti perkhemahan, memancing, menunggang kuda dan *jungle trekking*.

Jeanne yang juga Pengerusi Panel Penasihat Landskap Malaysia berkata, Taman Rimba Alam Putrajaya di sini, adalah contoh terbaik proses penanaman semula hutan semulajadi di tengah-tengah bandar. "Selepas ini tidak ada alasan lagi mengapa ia tidak dapat dilakukan dan atas itulah, harapan saya agar projek seperti ini dapat dilaksanakan di bandar-bandar lain seluruh negara," katanya. Beliau turut menyuarakan harapan supaya agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta dapat meningkatkan lagi kerjasama untuk bagi menjalankan program-program mengurangkan kesan perubahan cuaca yang sedang berlaku hari ini.



2/11/2008 (Ahad)

Eurocopter: BPR mulakan siasatan

SEREMBAN 1 Nov. - Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah memulakan siasatan berhubung cadangan pembelian 12 unit helikopter keluaran Eurocopter yang bernilai RM1.6 bilion walaupun pembeliannya ditangguhkan ketika ini oleh kerajaan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Ahmad Said Hamdan berkata, siasatan itu akan diketuai oleh Pengarah Siasatannya, Datuk Shukri Abdull kerana kertas siasatan berkaitan pembelian helikopter itu telah dibuka untuk tindakan seterusnya. "Ia baru bermula dan pegawai BPR telah pergi ke Kementerian Pertahanan untuk mendapatkan dokumen berhubung cadangan pembelian helikopter tersebut," katanya di sini hari ini.

Ahmad Said berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Ujian Kemahiran Menembak BPR Malaysia 2008 di Lapang Sasar Mantin dekat sini hari ini yang turut di sertai pegawai kanan BPR dan pengamal media. "BPR mahu melihat sama ada prosedur pembelian itu adalah betul atau telah berlaku kepincangan. Kalau ia ada unsur rasuah, kita akan siasat dahulu," jelas beliau.

Ahmad Said mengulas tindakan Timbalan Ketua Angkatan Muda Parti Keadilan Rakyat (PKR), Fariz Musa membuat laporan polis terhadap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak terhadap penyelewengan dan salah guna kuasa mengenai skandal pembelian helikopter tersebut.

Semalam, Najib menjelaskan, helikopter yang ditangguh pembeliannya oleh kerajaan itu merupakan pesawat yang telah terbukti kemampuannya serta digunakan oleh beberapa negara termasuklah Perancis selain pernah terlibat dalam misi tempur di Afghanistan. Jelas Najib lagi, pembelian helikopter itu bukanlah satu eksperimen dan menafikan bahawa pesawat itu tidak pernah diuji sama sekali sedangkan juruterbang Malaysia pernah berbuat demikian semasa Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) tahun lalu.

"Buat masa ini, biarlah pihak Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) selesai menjalankan siasatan mereka dan kita akan masuk secara berperingkat," kata Ahmad Said.

Pada sidang akhbar itu juga Ahmad Said turut menjelaskan BPR menerima banyak laporan yang kononnya didakwa melibatkan perbuatan rasuah dan selepas risikan dibuat satu pertiga daripadanya tidak boleh dipakai.



3/11/2008 (Isnin)

Tiada penyelewengan pembelian Eurocopter – PAC

KUALA LUMPUR 3 Nov. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati tiada sebarang penyelewengan dari segi prosedur dalam pembelian helikopter Eurocopter EC725. Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, penilaian teknikal dan kewangan bagi pembelian 12 helikopter yang keseluruhannya berharga RM1.604 bilion adalah mengikut piawaian antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya, PAC kurang senang kerana tiada sebarang penilaian fizikal dibuat sebelum kerajaan memutuskan untuk membeli helikopter berkenaan yang kini telah pun ditangguhkan. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan di bangunan Parlimen di sini hari ini. – Utusan.



4/11/2008 (Selasa)

Dana pelaburan sebanyak RM1.5 bilion untuk menarik pelaburan swasta

KUALA LUMPUR 4 Nov. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion bagi menubuhkan Dana Pelaburan untuk menarik lebih banyak pelaburan sektor swasta. Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, dana itu bertujuan menarik aktiviti pelaburan swasta yang berdaya maju. "Tumpuan akan diberi kepada sektor strategik yang bernilai tambah tinggi dan projek berimpak besar dari

segi nilai pelaburan, teknologi dan pekerja berpengetahuan,” katanya semasa menggulung perbahasan Belanjawan 2009 di persidangan Dewan Rakyat.

“Langkah baru untuk menubuhkan Dana Pelaburan akan dilaksanakan segera bagi menyokong usaha menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih tinggi,” katanya. Selain itu, beliau berkata, kerajaan akan menyokong inisiatif peneraju koridor pembangunan untuk membuat misi pelaburan ke luar negara, terutamanya India, China dan Timur Tengah, dalam usaha untuk menarik pelaburan yang tinggi dan mapan.

Katanya, dana itu akan digunakan untuk memberi geran, pinjaman mudah atau modal ekuiti kepada pelabur. Pendekatan sebegini telah berjaya menarik pelabur dalam sektor perkhidmatan berteknologi tinggi, seperti Dell, Hewlett Packard dan Satyam, ke Cyberjaya serta dalam sektor pembuatan bernilai tambah yang tinggi, seperti pengeluaran panel solar, industri aeroangkasa dan komponen kapal terbang, katanya.

Sehingga kini, Najib berkata, kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai langkah dalam menarik pelaburan asing ke Malaysia. Ini katanya, termasuk langkah mengurangkan kos dalam menjalankan perniagaan melalui penambahbaikan proses dan mekanisme, menyediakan program perancangan dan pembiayaan perniagaan bersepadu bagi merangsang pelaburan industri serta mengkaji semula perundangan dan peraturan berkaitan pelaburan yang menghalang pembangunan industri. Langkah-langkah itu telah menunjukkan kejayaan di mana FDI bagi tempoh Januari hingga Ogos 2008 dicatatkan RM36.8 bilion, berbanding jumlah FDI keseluruhan tahun 2007 sebanyak RM33.4 bilion, katanya.

Berkenaan dengan pelaburan Dalam Sektor Teknologi Tinggi, katanya, kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada pelaburan yang berasaskan pengetahuan dan teknologi terkini berbanding berasaskan buruh. Ini dapat dilihat dari inisiatif Kerajaan dengan pembangunan koridor pertumbuhan wilayah, termasuk Iskandar Malaysia yang memberi penekanan kepada sektor perkhidmatan, yang mempunyai nilai tambah yang tinggi,” katanya. Kerajaan, katanya, sedang giat memajukan industri yang berpotensi, seperti kewangan Islam, pelancongan, pendidikan dan logistik yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi.



4/11/2008 (Selasa)

Kerajaan umum pakej rangsangan RM7b untuk kukuhkan lagi ekonomi

KUALA LUMPUR 4 Nov. — Kerajaan hari ini mengumumkan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion dalam usaha mengukuhkan lagi daya tahan negara dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam menghadapi persekitaraan global yang semakin mencabar.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah-langkah menerusi pakej tersebut merupakan tanda dan bukti kerajaan amat prihatin terhadap kesejahteraan rakyat serta merangsang keyakinan sektor swasta.

Penjimatan RM7 bilion daripada subsidi minyak akan disalurkan, antara lain untuk membolehkan lebih ramai rakyat memiliki rumah, kata Najib yang juga Menteri Kewangan semasa menggulung perbahasan Belanjawan 2009 di Dewan Rakyat.

Bagi memastikan lebih ramai rakyat mampu memiliki rumah, sebanyak RM1.2 bilion diperuntukkan bagi membina 25,000 rumah kos rendah dan sederhana. Sebanyak RM500 juta diperuntukkan bagi menaik taraf, membaik pulih dan menyelenggara balai dan kuarters polis serta kem dan kuarters tentera.

Najib juga berkata, RM600 juta akan disalurkan untuk projek-projek kecil menerusi program penyelenggaraan infrastruktur awam dan infrastruktur asas, seperti menyelenggara jalan kampung, membina balai raya dan jambatan kecil. Beliau berkata, peruntukan itu juga bagi membantu kontraktor kecil bagi menyelesaikan masalah kekurangan projek pembinaan.

Sebanyak RM500 juta diperuntukkan bagi menyelenggara dan membaik pulih kemudahan awam, termasuk sekolah, hospital dan jalan raya, manakala RM500 juta diperuntukkan untuk membina, menaik taraf jalan-jalan di luar bandar, kampung dan jalan pertanian, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Najib juga berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) disemak semula kepada 3.5 peratus pada 2009 berbanding 5.0 peratus tahun ini.

- Bernama



5/11/2008 (Rabu)

Pinjaman perumahan kerajaan dilanjut hingga 30 tahun

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Kakitangan kerajaan yang telah membuat pinjaman perumahan, kini turut berpeluang untuk melanjutkan tempoh pinjaman mereka sehingga 30 tahun. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah itu akan dapat membantu menambahkan pendapatan boleh guna peminjam yang terlibat.

"Untuk memastikan peminjam sedia ada mendapat kemudahan yang sama, peminjam diberi pilihan untuk melanjutkan tempoh pinjaman mereka kepada 30 tahun," katanya ketika menggulung perbahasan Bajet 2009 bagi Kementerian Kewangan pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau memberi contoh, seorang penjawat awam yang bersetuju dengan lanjutan tempoh itu mampu memperoleh lebih pendapatan RM180 sebulan jika membuat pinjaman RM190,000 bagi tempoh 25 tahun dan telah menjelaskannya bagi tempoh 10 tahun. Katanya, penjawat awam juga akan diberi kebenaran untuk mengambil pinjaman perumahan bagi hartanah di pasaran sekunder di mana hakmilik strata belum dikeluarkan.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan sebelum ini telah mengumumkan tempoh bayaran balik bagi pinjaman perumahan baru kakitangan kerajaan dilanjutkan daripada 25 tahun kepada 30 tahun.

"Pihak kerajaan, melalui Bank Negara, juga akan menyaran dan menggesa pihak bank mengambil inisiatif untuk memberi kelonggaran dan menstrukturkan semula pinjaman bagi peminjam- peminjam yang memerlukan," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri turut mengumumkan langkah kerajaan untuk memudahkan penjawat awam memiliki kereta dengan meningkatkan had kelayakan pinjaman kereta.

Bagi gred JUSA katanya, had kelayakan dinaikkan daripada RM60,000 kepada RM70,000. "Bagi gred 41 hingga 54, had kelayakan dinaikkan daripada RM55,000 kepada RM65,000 dan bagi kumpulan sokongan, had kelayakan dinaikkan daripada RM45,000 kepada RM55,000," katanya.



5/11/2008 (Rabu)

Eurocopter: Kerajaan sentiasa patuhi prosedur

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan bahawa kerajaan sentiasa mengikut peraturan dan prosedur dalam meluluskan kontrak termasuk pembelian helikopter Eurocopter EC725 Cougar.

Timbalan Perdana Menteri yang juga bekas Menteri Pertahanan menegaskan, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah menyatakan tidak ada penyelewengan dalam pembelian helikopter tersebut.

"Apa yang kerajaan kata sebelum ini telah terbukti kerana ia mengikut peraturan dan keputusan yang dibuat untuk membeli helikopter tersebut adalah atas pertimbangan kepentingan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Keputusan ini bagi ATM melaksanakan tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara yang harus diberi aset yang terbaik berdasarkan kemampuan kerajaan," katanya.

Penyelewengan

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menggulung perbahasan dan mengumumkan tambahan Bajet 2009 bagi Kementerian Kewangan di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid semalam mengumumkan bahawa siasatan jawatankuasa itu mendapati tiada sebarang penyelewengan daripada segi prosedur dalam pembelian helikopter Eurocopter EC725 Cougar berharga RM1.604 bilion.

Najib yang kini Menteri Kewangan menegaskan pembelian helikopter itu telah ditangguhkan untuk menampung perbelanjaan negara berikutan krisis kewangan dunia.

Namun beliau berkata, kerajaan akan memutuskan kemudian sama ada untuk membelinya dan menyedari bahawa apabila keputusan itu dibuat nanti harganya mungkin lebih tinggi.